

Hentikan niaga import permit amaran Mahathir

JAM - 4 AUG 1978

AMAR SETAR 3 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran keras kepada bumiputera yang memperniagakan import permit (AP) yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada mereka.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan: "Saya tidak lagi akan melayan permintaan-permintaan untuk mendapatkan import permit selagi tidak ada bukti yang jelas membuktikan bumiputera benar-benar ingin berniaga sendiri."

Serentak dengan amaran ini, Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian meminta 'perniagaan' ini dihentikan serta-merta.

Berucap merasmikan mesyuarat agung ke-5 Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia, cawangan Kedah di sini hari ini, beliau berkata, kerajaan sedar "perniagaan import permit" sedang berlaku di kalangan bumiputera yang tidak ikhlas.

Menurut beliau, oleh kerana peluang-peluang untuk bumiputera menjadi agen (pengedar) agak tipis, maka kerajaan mengadakan import permit untuk membolehkan bumiputera mengimport terus untuk diedarkan.

"Malangnya wujud pula perniagaan import permit di kalangan bumiputera dan mereka tidak menggunakan permit tersebut dengan ikhlas dan untuk tujuan berniaga, ujarnya.

Beliau kemudiannya memberi jaminan bahawa masih banyak lagi peluang dan kemajuan jika bumiputera benar-benar mahu menceburi dan menggunakan dengan sepenuhnya import permit yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk mereka.

Sebelum itu Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa di zaman penjajah British dahulu perpisahan antara kaum telah wujud dengan Melayu menjadi tani, India penoreh getah dan Cina perniagaan.

Di samping mensifatkannya sebagai satu diskriminasi dari penjajah, beliau berkata, keadaan seperti itu telah diwarisi sehingga selepas merdeka.

Dasar

"Tetapi ianya tidaklah boleh dikekalkan untuk selama-lamanya," katanya.

Untuk mengelak ini semua terang beliau, "kerajaan telah mengadakan satu dasar baru bagi mengurangkan perpisahan antara kaum dengan mewujudkan Dasar Ekonomi Baru."

"Tujuan Dasar Ekonomi Baru ini bukan hendak merampas atau merebut hak-hak kaum lain untuk diberi kepada orang Melayu," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir lalu mengulangi kecamannya ke atas pemberita-pemberita luar negeri yang memburukkan-^{kan} tentang Dasar Ekonomi Baru negara ini.

"Ada golongan yang memberitahu pemberita-pemberita luar negeri itu bahawa tidak ada keadilan di dalam Dasar Ekonomi Baru sedangkan mereka yang memberitahu itu adalah terdiri dari golongan yang kaya raya," tegasnya.

"Kita tidak perlu kepada nasihat orang lain untuk menentukan dasar kita. Kita tidak perlu kepada tugas pemberita-pemberita luar negeri untuk memberitahu pelabur-pelabur asing mengenai keadaan sebenarnya di negara kita," katanya lagi.

Beliau lalu mensifatkan sikap setengah pemberita asing itu sebagai hendak memburukkan suasana dan keadaan di negara ini dengan menfitnahkan Dasar Ekonomi Baru ini kepada penghalang kepada perkembangan ekonomi negara.

"Tidak hairanlah mereka bertindak sedemikian oleh kerana akhbar-akhbar mereka dicetak di negeri-negeri yang berasingan dengan kita," tambahnya.

Terdahulu dari itu, Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Nahar Shahabuddin dalam

ucapannya yang dibaca oleh Haji Mohd. Muslim bin Haji Othman, seorang anggota Exco antara lain berkata bahawa Kerajaan Barisan Nasional sedang merancang projek pembangunan dan perindustrian secara besar-besaran.

"Ini semua adalah untuk memberi kesempatan yang baik kepada ahli-ahli Dewan Perniagaan Melayu dan bakal-bakal usahawan kita untuk merebut peluang-peluang ini," katanya.

Kesempatan merebut peluang yang disediakan oleh kerajaan ini hanya akan diperolehi kiranya kita bersatu tenaga membantu satu sama lain iaitu mereka yang telah mencapai mercu kejayaan hendaklah membantu mereka yang masih merangkak," tambahnya.

Datuk Syed Nahar selanjutnya berkata bahawa kerajaan tidak ingin melihat ahli-ahli perniagaan bercakaran sesama sendiri. Gejala-gejala ini akan melemahkan usaha-usaha kerajaan untuk mencapai matlamat penyertaan orang-orang Melayu secara menyeluruh dalam segala kegiatan ekonomi negara secepat mungkin.

"Bersaingan merebut peluang untuk sama-sama maju adalah digalakkan. Ini adalah cara yang sihat yang sangat-sangat dikehendaki oleh kerajaan BN," ujarnya.